



Anwar bersama Ahmad Zahid dan Sun Yeli (tiga dari kanan) menggaul yee sang ketika meraikan sambutan Tahun Baharu Cina 2025 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto bernama)

Malaysia-China saling perkukuh hubungan budaya

Kerjasama antara dua negara melangkaui hal berkaitan pelaburan, perdagangan

Oleh Erey Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hubungan Malaysia dengan China bukan hanya berlandaskan pelaburan dan perdagangan semata-mata, sebaliknya ia juga tertumpu kepada kefahaman dan nilai hormat terhadap budaya dan peradaban kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata aspek keunikan hubungan Malaysia-China perlu dipupuk menerusi kerjasama ekonomi.

"Semasa perbincangan saya dengan Presiden China, Xi Jinping (baru-baru ini), kami membincangkan bukan sahaja mengenai hubungan ekonomi, perdag-

angan dan pelaburan, tetapi juga keperluan untuk membina persahabatan ini atas dasar kepercayaan dan saling menghormati.

"Penekanan China terhadap penghormatan budaya selaras dengan prinsip inklusiviti Malaysia yang memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai tempat di negara ini," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina peringkat global di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, malam kelmarin.

Acara sambutan itu dianjurkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan China sebagai usaha sama dalam mengukuhkan hubungan diplomatik kedua negara.

Ketibaan Anwar yang mengenakan kemeja tradisional kaum Cina 'Tangzhuang' berwarna merah jam 8.30 malam disambut meriah lebih 300 tetamu.

Dalam acara sama, pertunjukan dron diadakan di pekarangan KLCC sebagai simbolik sambutan. Semua tetamu kenamaan turut melakukan upacara

menggaul Yee Sang.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing serta Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul. Selain itu, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan China, Sun Yeli.

Perpaduan masyarakat

Anwar berkata, Festival Musim Bunga yang dikenali di Malaysia sebagai Tahun Baharu Cina menjadi bukti kepada perpaduan masyarakat majmuk Malaysia.

"Sambutan ini menyatukan rakyat pelbagai komuniti, budaya dan wilayah di seluruh Malaysia. Ia mencerminkan komitmen bersama kita terhadap keharmonian dan saling menghargai.

"Secara bersama, kita melangkah melampaui ketidaktentuan untuk merangkul masa depan yang penuh dengan perkongsian kejayaan dan matlamat bersama," katanya.

Acara dimeriahkan lagi dengan persembahan tarian kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia.